

Rujukan : UKM BEN/224/8 JLD. 12
Tarikh : 2 Oktober 2017

PEKELILING BENDAHARI BIL. 11/2017

Pengetua Kolej Kediaman
Kolej-kolej Kediaman
Universiti Kebangsaan Malaysia

Y.Bhg. Datuk/ Tuan/ Puan,

POLISI TIADA PEMULANGAN YURAN PENGINAPAN PELAJAR

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

Adalah dimaklumkan bahawa, Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil. 2/2017 telah bersetuju menetapkan polisi tiada pemulangan yuran penginapan kepada para pelajar mulai Semester 1 2017/2018. Pelaksanaan ini melibatkan para pelajar yang keluar dari kolej lebih awal dari tarikh yang ditetapkan dalam semester berkenaan.

2. Walau bagaimanapun, pengecualian bagi polisi ini hanya akan diberikan kepada pelajar yang terlibat dalam kes-kes seperti berikut:
 - i. Pelajar ditimpa musibah
 - ii. Pelajar terlibat dengan Program Mobiliti
 - iii. Pelajar tamat pengajian lebih awal

Pelajar-pelajar yang tergolong dalam kes-kes seperti yang dinyatakan boleh membuat permohonan kepada Pengetua Kolej bagi mendapatkan pengecualian ke atas polisi ini.

3. Polisi ini berkuat kuasa mulai Semester 1 2017/2018. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini boleh berhubung dengan Ketua Bahagian Kewangan Pelajar, Jabatan Bendahari iaitu Puan Nadia Mohd. Ali di talian 03-89118181 atau emel ukpbendahari@ukm.edu.my.



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779

JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Telefon: +603-8921 3000 Faksimili: +603-8921 3058 E-mel: bndahari@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my>

Sukacita sekiranya Y.Bhg. Datuk/ Tuan/ Puan dapat mengambil tindakan dan menyampaikan maklumat ini kepada semua pegawai dan kakitangan seliaan Y.Bhg. Datuk/ Tuan/ Puan.

Sekian, terima kasih.

“Akauntabiliti Pegangan Kita”

Yang benar,

KHALIJAH HJ. BAKAR
Pengarah Eksekutif Kewangan
Universiti Kebangsaan Malaysia

s.k - Naib Canselor, UKM

- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni), UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri & Masyarakat), UKM
- Pengarah Eksekutif Pentadbiran, UKM
- Ketua, Pusat Khidmat Siswa



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779

JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Telefon: +603-8921 3000 Faksimili: +603-8921 3058 E-mel: bndahari@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my>